

No. Soalan: 52  
PR-1352-L02754

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH  
WAN ISMAIL  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2017**

**SOALAN : Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail  
[ Permatang Pauh ] minta MENTERI  
LUAR NEGERI menyatakan pendirian  
Malaysia berhubung dengan serangan  
Arab Saudi ke atas Yaman, dan penjelasan  
berhubung jumlah anggota tentera  
Malaysia yang bertugas di Yaman serta  
siapakah yang bertanggungjawab  
membayar gaji mereka ketika bertugas di  
sana; serta perincikan skop tugas misi  
yang dilaksanakan mereka.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Permatang Pauh atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti yang pernah dimaklumkan oleh rakan saya YB Menteri Pertahanan dalam Kenyataan Media beliau bertarikh 17 April 2015, Malaysia mengiktiraf Kerajaan Yaman di bawah kepimpinan Presiden Abdurrahman Mansour Hadi dan menyokong usaha-usaha masyarakat antarabangsa untuk memastikan kesatuan serta kebebasan negara Arab tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, Malaysia menyokong tindakan dan usaha-usaha Arab Saudi mahupun mana-mana negara lain untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negaranya.

4. Kementerian Pertahanan juga telah mengesahkan bahawa sehingga kini tiada tentera Malaysia yang bertugas di Yaman.

**SOALAN ( 53 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 3 OGOS 2017  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI  
[KUALA NERUS]**

**SOALAN :-**

**YB Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada Kementerian akan menyediakan pinjaman secara Qard al-Hassan bagi pembiayaan perumahan rakyat.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tiada cadangan untuk melaksanakan Qard al-Hassan bagi pembiayaan perumahan rakyat.

Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dibina oleh kerajaan merangkumi dua kategori iaitu **DIMILIKI** dan **DISEWA**. Buat masa ini kerajaan telah melaksanakan skim pembiayaan yang dikenali sebagai sewa untuk dimiliki (*rent-to-own*) bagi projek PPR yang dikategorikan untuk dijual.

Peserta yang layak akan menjalani tempoh percubaan sewaan selama dua tahun dan sekiranya lulus tempoh tersebut, peserta akan ditawarkan perjanjian pembelian secara *rent-to-own* dengan tempoh pembiayaan selama 20-25 tahun dengan fi pentadbiran dikenakan sebanyak 2%.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**SOALAN ( 54 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 3 OGOS 2017  
[KHAMIS]**

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]**

**SOALAN :**

**YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [ KOTA TINGGI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan perlaksanaan TVET di bawah Jabatan Perdana Menteri agar keberkesanan program mencapai matlamat tenaga mahir pada tahun 2020.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Mentransformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan salah satu agenda utama Kerajaan bagi menyokong pembangunan modal insan ke arah memenuhi keperluan industri. Dalam usaha mencapai aspirasi ini, program-program TVET yang ditawarkan oleh pelbagai institusi pendidikan dan latihan kemahiran awam serta swasta akan menjadi pemangkin bagi melahirkan tenaga kerja mahir negara. penekanan diberikan agar industri dan institusi TVET bekerjsama antara satu sama lain sepanjang rantai nilai bermula dari pengambilan pelajar, pembentukan kurikulum, penyampaian dan penempatan pekerjaan. Pada masa ini, terdapat lapan (8) kementerian yang mentadbir institusi TVET, iaitu:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM);
2. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);
3. Kementerian Sumber Manusia (KSM);

4. Kementerian Belia dan Sukan (KBS);
5. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW);
6. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (KPIAT);
7. Kementerian Kerja Raya (KKR); dan
8. Kementerian Pertahanan (KEMENTAH).

Terdapat 550 institusi TVET yang sedang beroperasi sehingga bulan Jun 2017. Pelaksanaan program TVET bagi semua agensi ini adalah berpandukan kepada Kerangka Kelayakan Malaysia yang menetapkan hala tuju bagi sektor pendidikan dan latihan kemahiran yang ditadbir urus oleh dua (2) agensi utama iaitu Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), KPT dan Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM.

Kedua-dua agensi ini sedang bekerjasama untuk mewujudkan keseragaman ke arah sistem tunggal khususnya daripada aspek pengiktirafan sijil/ diploma/ ijazah yang dihasilkan oleh kolej komuniti, politeknik dan universiti di bawah MQA serta sijil/ diploma yang dikeluarkan oleh institusi latihan kemahiran di bawah JPK.

Peranan menyelaras dan melaksana sewajarnya dijalankan oleh kementerian-kementerian yang mempunyai institusi latihan kemahiran

masing-masing yang ditubuhkan berdasarkan bidang tugas yang berbeza dan akses mempunyai yang lebih luas ke peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.

3 Ogos 2017